

Pembangunan belia positif di kolej komuniti

ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk menentukan tahap pembangunan belia positif dalam kalangan pelajar kolej komuniti di Malaysia. Pembangunan belia positif merupakan pendekatan berasaskan teori yang menekankan kekuatan, potensi dan minat yang dimiliki oleh belia berbanding kekurangan dan kelemahan yang mereka ada. Pelajar kolej komuniti sering dilihat secara negatif kerana kelemahan mereka dalam bidang akademik menjadikan pendekatan ini wajar untuk dikaji terhadap mereka yang juga memiliki kelebihan dan kekuatan tersendiri. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan terhadap 677 orang pelajar di kolej komuniti secara kuantitatif dan dianalisis secara deskriptif. Kajian ini menggunakan borang soal selidik tadbir sendiri dan diadaptasi daripada instrument The Bridge-Positive Youth Development oleh Lopez et al., (2014). Analisis kajian menunjukkan tahap pembangunan belia positif dalam kalangan pelajar kolej komuniti adalah tinggi (82.4%) dengan nilai min = 4.034 dan sisihan piawai = 0.414. Keputusan ini membuktikan bahawa belia di kolej komuniti mempunyai atribut pembangunan belia positif iaitu kompeten, keyakinan, karakter, berhubung dan prihatin dan belas kasihan serta mampu dibangunkan seiring dengan teras yang terkandung di dalam Dasar Belia Malaysia.

Katakunci: Pembangunan belia; Pembangunan belia positif; Kolej komuniti; Belia; 5C